

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**SOALAN NO. 390**

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilakah Feri Penumpang antara Labuan – Kota Kinabalu – Labuan yang mengambil masa perjalanan 1 jam 30 minit sahaja akan mula beroperasi seperti yang dilaporkan media sebelum ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, seperitimana yang telah saya sebut dalam Sesi Penggulungan Bagi Perbahasan Titah Diraja Dewan Rakyat pada 26 Mac 2019 yang lalu, salah satu usaha Kementerian Wilayah dalam menangani masalah kemudahsampaian orang luar untuk memasuki Pulau Labuan ialah dengan bekerjasama dengan pihak swasta melalui cadangan operasi feri ekspress berkelajuan tinggi yang menghubungkan WP Labuan dan Kota Kinabalu, Sabah. Dengan adanya kemudahan ini, tempoh perjalanan yang mengambil masa yang lama akan dipercepatkan iaitu antara 1 jam 30 minit hingga ke 2 jam perjalanan.

Perbadanan Labuan telah berjaya menjemput dan menyakinkan satu syarikat perkapalan swasta (Nam Cheong Limited) untuk membuat pelaburan pengangkutan feri penumpang laju dengan kapasiti kira-kira 300 penumpang setiap kali perjalanan untuk laluan WP Labuan – Kota Kinabalu – WP Labuan. Satu taklimat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah telah diadakan pada 13 Mac yang lalu dan Kementerian dimaklumkan syarikat kini dalam proses penelitian untuk membuat pembelian feri penumpang baru dari luar negara. Walau bagaimanapun, perkara ini masih dalam peringkat rundingan bersama Syarikat Pelabur tersebut selain beberapa penyelarasaran rundingan

seterusnya bersama Kementerian Pengangkutan (MOT) dan pihak Kerajaan Negeri Sabah. Sekiranya segala urusan ini berhasil, maka operasi feri penumpang ini dijangka akan bermula pada suku keempat tahun 2019. Ini dijangka akan menarik lebih ramai pelancong luar dan domestik untuk berkunjung ke Wilayah Persekutuan Labuan sebagai alternatif kepada sistem pengangkutan udara yang terhad dari segi kapasiti dan kekerapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, buat masa kini terdapat (2) buah feri ekspress yang melakukan pelayaran bagi laluan WP Labuan – Kota Kinabalu – WP Labuan setiap hari iaitu Labuan Ekspress 2 dan Labuan Ekspress 3. Kapasiti penumpang bagi Labuan Ekspress 2 adalah 195 orang, manakala Labuan Ekspress 3 adalah 243 orang. Tempoh perjalanan sehala adalah selama 3 jam 30 minit.